

TUN Juhar (tengah), Masidi (dua dari kanan), KY.Mustafa (dua dari kiri) dan Abdul Hamid (kanan sekali), bersama-sama memotong kek pada majlis itu.



## ULink bangunkan pelan strategik kedua beri tumpuan tiga sektor utama

NST 18.03.2012 2

KOTA KINABALU: UMS Link Holdings Sdn Bhd (ULink) syarikat milik Universiti Malaysia Sabah membangunkan pelan strategik kedua untuk tahun 2013 hingga 2017 yang memberi tumpuan kepada tiga sektor utama.

Pengerusi Kumpulannya Datuk K.Y. Mustafa berkata, sektor utama itu termasuklah pendidikan dan latihan, perniagaan berasaskan pertanian dan pengurusan hartanah.

"Kami sangat yakin dengan sokongan padu pihak pengurusan UMS, pelan perancangan untuk lima tahun akan datang itu akan dapat dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam UMS Link Holdings Sdn. Bhd, di Pacific Sutera Harbour, di sini, paa malam Jumaat.

Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Haji Juhar Haji Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni berkenan menghadiri majlis itu.

Turut hadir, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun yang mewakili Ketua Menteri dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Tan Sri Abdul Hamid Egoh.

Majlis sempena ulang tahun ke-5 syarikat milik penuh UMS itu turut memberi pengiktirafan berupa sijil dan hadiah kepada tenaga pengajar dan kakitangan yang cemerlang dalam perkhidmatan.

KY.Mustafa turut berterima kasih kepada semua pihak terutamanya kerajaan negeri serta rakan niaga dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan juga peringkat antarabangsa dari China, Taiwan, Korea, Indonesia, Filipina dan India, atas sokongan berterusan.

Beliau berkata, bagi meningkatkan pendapatan universiti itu, ULink telah menubuhkan tiga anak syarikat, satu syarikat sekutu dan 10 rakan kongsi perniagaan dengan jumlah kakitangan sekitar 110 orang.

"ULink memperoleh nilai perolehan bersih sebanyak RM8 juta dan mencatatkan purata pendapatan sekitar RM10.2 juta setahun," katanya.

Katanya lagi, syarikat itu, yang mempunyai modal yang dibenarkan sebanyak RM25 juta, berjaya meningkatkan modal dari RM300,000 kepada RM5 juta dan seterusnya RM10 juta.

"Ini menunjukkan kegigihan dan dedikasi lembaga pengarah syarikat terutama pengurusan dan kakitangan yang berjaya membawa ULink ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

**-OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabtimes.com.my)**